

## TAHAP PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DALAM BIDANG JAWI

### [LEVELS OF PRIMARY SCHOOL'S ISLAMIC EDUCATION TEACHER IN THE FIELD OF JAWI]

MOHD MAZHAN TAMYIS<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Corespondent Email: mazhannany888@gmail.com

---

Received: 3 January 2023

Accepted: 28 January 2023

Published: 6 February 2023

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap profesionalisme guru pendidikan Islam (GPI) dalam bidang Jawi di sekolah rendah berdasarkan empat konstruk, iaitu kompetensi pengajaran, watak GPI, komitmen kerjaya dan tanggungjawab luar kelas. Kajian melibatkan 120 orang responden terdiri daripada GPI sekolah rendah di empat buah daerah di negeri Selangor yang dipilih secara rawak. Bagi mencapai objektif kajian satu set soal selidik yang mengandungi 20 item digunakan sebagai instrumen. Dapatkan dari soal selidik dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan min dan sisihan piawai bagi setiap item berasaskan nilai interpretasi tahap pelaksanaan, iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Dapatkan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap profesionalisme GPI dalam bidang Jawi berada pada tahap yang tinggi. Walaupun begitu, GPI disarankan agar terus meningkatkan kecemerlangan kerjaya mereka melalui usaha kolaboratif sesama rakan sejawat yang menjurus kepada peningkatan pembelajaran murid dan pelestarian Jawi di sekolah. Kajian akan datang juga mungkin diperlukan bagi meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti profesionalisme GPI dalam pelaksanaan bidang Jawi di sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Profesionalisme Guru, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah, Bidang Jawi.

**Abstract:** This study aims to identify the level of professionalism of Islamic Education (GPI) teachers in the field of Jawi in primary schools based on four constructs, namely teaching competence, GPI character, career commitment and responsibility outside the classroom. The study involved 120 respondents consisting of GPI primary schools in four districts in the state of Selangor who were randomly selected. In order to achieve the objective of the study, a set of questionnaires containing 20 items was used as an instrument. The findings from the questionnaire were analyzed descriptively to obtain the mean and standard deviation for each item based on the interpretation value of the level of implementation, which is very low, low, medium, high and very high. The findings of the study as a whole show that the level of GPI's professionalism in the field of Jawi is at a high level. Even so, GPI is advised to continue to improve their career excellence through collaborative efforts among colleagues that lead to the improvement of student learning and the preservation of Jawi in schools. Future studies may also be needed to explore the factors that influence the quality of GPI professionalism in the implementation of Jawi in primary schools.

**Keywords:** Teacher Professionalism, Islamic Education Teacher, Primary School, Jawi Field.

**Cite This Article:**

Mohd Mazhan Tamyis. (2023). Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah dalam Bidang Jawi [Levels of Primary School's Islamic Education Teacher in The Field of Jawi]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(1), 30-45.

## PENGENALAN

Guru pendidikan Islam (GPI) sering dikaitkan dengan sosok tubuh yang menjadi suri teladan kepada orang lain dan merupakan individu yang menggalas tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dengan penuh hikmah ke arah kebenaran sebagai kesinambungan amalan Nabi Muhammad s.a.w. (Surah Ali Imran, 3:104; Surah al-Mujadalah, 58:11). Hal ini boleh dilihat melalui pandangan sekumpulan pengkaji lepas yang mengungkapkan bahawa GPI memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi muda yang mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan adab yang baik melalui pendekatan seperti mudarris, murabbi, mursyid, muallim, dan muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang berkesan (Sahrin & Abdul Ghani, 2022). Malah idealisme GPI berkesan bertepatan dengan hasrat kerajaan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang kini akan memasuki fasa akhir. Pelan pendidikan tersebut antara lain mensasarkan prestasi guru perlu melebihi standard minimum dan perlu lebih tinggi berbanding prestasi sedia ada melalui langkah memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran mulai 2013 (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2012).

Selain itu, sistem pendidikan yang mampan dapat diwujudkan dengan adanya kurikulum pendidikan yang sesuai dan dinamik. Hal ini menyaksikan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia mengalami proses transformasi dari semasa ke semasa. Untuk itu, kemahiran Jawi yang diletakkan sebagai suatu bidang dalam mata pelajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah disemak semula pada 2015 dan mula dilaksanakan untuk tahun 1 pada tahun 2017. Bidang Jawi juga telah menerima penambahbaikan yang memberi penumpuan pada aspek-aspek kemahiran dan kompetensi bagi memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21, iaitu penekanan kurikulum berasaskan standard dan aspek-aspek pembelajaran Abad ke-21 (KPM, 2019).

Tuntasnya, GPI perlu mempunyai profesionalisme yang tinggi untuk melaksanakan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam (BJdKPI). Hal ini penting bagi memastikan kemenjadian murid di peringkat bilik darjah dalam aspek literasi Jawi yang mampu menyerlahkan generasi akan datang dari segi kecintaan terhadap warisan bangsa. Namun begitu, beberapa kajian sebelum ini menunjukkan bahawa pelaksanaan BJdKPI menghadapi beberapa isu antaranya termasuklah dari segi kesediaan guru pendidikan Islam yang mempunyai profesionalisme yang tinggi (Abdullah & Abdul Aziz, 2020; Kamaruzaman & Abdullah, 2020). Malah, warga guru termasuk GPI juga sering dikaitkan dengan pelbagai aspek antaranya seperti integriti, cabaran globalisasi, beban kerja yang meningkat dan jangkaan yang lebih tinggi daripada masyarakat (Kholis & Murwanti, 2019; Abdul Patah & Boon, 2021; Bashah & Zulkifli, 2022). Jelasnya, GPI merupakan agen perubahan pelaksanaan kurikulum, namun jika kualiti dan profesionalisme mereka berada pada tahap yang rendah tentunya akan menganggu gugat proses perubahan pendidikan negara. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan meninjau tahap profesionalisme guru pendidikan Islam sekolah rendah dalam pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum nasional. Justeru, perbincangan seterusnya adalah bagi menjawab

persoalan kajian; Apakah tahap amalan profesionalisme GPI dalam bidang Jawi di sekolah rendah berdasarkan empat konstruk utama, iaitu kompetensi pengajaran, watak GPI, komitmen kerjaya dan tanggungjawab luar kelas?

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Bidang Jawi dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah**

Kemahiran tulisan Jawi telah dijadikan sebagai salah suatu bidang dalam mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah. Manakala di peringkat sekolah menengah, tulisan Jawi digunakan secara lestari sebagai medium tulisan untuk pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Namun, penggunaan tulisan ini bukanlah mandatori di peringkat peperiksaan nasional kerana pelajar masih dibenarkan menjawab ujian mata pelajaran pendidikan Islam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dalam dwi tulisan (boleh memilih sama ada menggunakan tulisan Rumi ataupun Jawi). Justeru penggunaan tulisan Jawi terbatas dari segi praktisnya kerana hanya digunakan dalam mata pelajaran pendidikan Islam sahaja (Kamaruzaman & Nik Abdullah, 2021). Keterbatasan ini memberikan dua implikasi; iaitu;

Pertama, pelajar di sekolah menengah perlu mahir literasi tulisan Jawi disebabkan dua faktor penting, iaitu; (1) bahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sebahagian besarnya ditulis dalam tulisan Jawi dan (2) tulisan Jawi adalah tulisan warisan beridentitikan nasional dan merupakan simbol estetika karya seni yang berwibawa dan berkualiti tinggi (Harun & Katutu, 2014; Buta & Talin, 2017); dan

Kedua, pihak kerajaan berhasrat melaksanakan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah secara berkesan sebagai asas persediaan kukuh sebelum murid melangkah ke alam persekolahan menengah dan pengajian tinggi. Hal ini boleh dilihat menerusi pernyataan objektif dalam kurikulum berkaitan bidang Jawi yang dinyatakan secara jelas di peringkat pra sekolah dan rendah sahaja (Tamyis et al., 2021). Malah keseriusan pihak kerajaan dalam memartabatkan tulisan Jawi di peringkat rendah juga boleh diperhalusi menerusi program j-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu Ain) yang telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005 (KPM, 2015).

Namun begitu, beberapa kajian lepas mendapati pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam menghadapi beberapa isu (Bahrin et al., 2014; Jamriy; 2016; Othman & Ishak, 2017; Ahmad Tajuddin & Zulkifli, 2022). Sebagai contoh, dapatan kajian Bahrin et. al (2014) menunjukkan pencapaian pelaksanaan model Jawi j-QAF berada pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min}=2.50-2.99$ ). Manakala dapatan kajian Jamriy (2016) menunjukkan persepsi GPI terhadap pengajaran pemulihan Jawi adalah pada tahap sederhana rendah, dan murid berpandangan GPI mengamalkan pengajaran pemulihan Jawi pada tahap sederhana tinggi. Sementara kajian Othman dan Ishak (2017) menghujahkan bahawa prestasi pencapaian murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam merosot disebabkan murid kurang mahir dalam tulisan Jawi. Akhir sekali, kajian Ahmad Tajuddin dan Zulkifli (2022) merumuskan daripada literatur terdahulu bahawa isu dalam pengajaran Jawi berlaku disebabkan oleh masalah pengetahuan isi kandungan mata pelajaran Jawi yang masih kurang dikuasai oleh GPI.

## **Profesionalisme Guru Pendidikan Islam di Malaysia**

Istilah profesionalisme sering dikaitkan dengan piawai khusus dalam bidang pekerjaan tertentu seperti doktor, jurutera, peguam dan juga guru. Sebagai contoh, Kholish dan Murwanti (2019) mendefinisikan profesionalisme sebagai suatu standard amalan tingkah laku berkaitan dengan profesi yang memerlukan kelayakan ikhtisas, latihan dan kemahiran yang perlu dikekalkan melalui tanggungjawab dan kerjasama dalam kalangan ahli profesi tersebut. Manakala konotasi ‘guru yang profesional’ pula dikaitkan dengan keahlian seseorang guru dalam bidang keguruan dengan syarat memiliki kompetensi serta mampu menjalankan tugas dengan baik, bermutu dan bertanggungjawab serta membantu meningkatkan nilai pendidikan ke arah yang lebih baik (Muhson, 2004; Siraj & Ibrahim, 2012). Pendapat para sarjana tersebut bertepatan dengan Standard Guru Malaysia 2.0 yang telah dijadikan panduan dan rujukan bermanfaat pelatih guru, guru, pengetua dan guru besar, pengurus pendidikan, pegawai agensi latihan keguruan dan pemegang taruh. Panduan tersebut secara jelas memfokuskan matlamat akhir dalam bidang keguruan adalah mewujudkan guru yang mempunyai jiwa pendidik berteraskan empat domain utama, iaitu kualiti peribadi, orientasi ilmu, instruksional dan penglibatan komuniti (Idris & Hamzah, 2012). Hal ini memerlukan guru menggalas tugas dengan penuh tanggungjawab bukan sahaja untuk profesion mereka, bahkan untuk murid, ibu bapa, masyarakat dan negara. Malah, GPI yang profesional juga dituntut untuk menjaga kualiti tanggungjawab mereka dengan Allah SWT (Ramlie, 2017). Berdasarkan kajian lepas, penyelidik merumuskan bahawa profesional keguruan sering dikaitkan dengan beberapa ciri khusus seperti penguasaan dalam bidang, perwatakan dan nilai profesionalisme keguruan dan kecintaan terhadap profesion (Tichenor & Tichenor, 2009; Siraj & Ibrahim, 2012; Mohd Zamri & Hamzah, 2019; Mohd Noor et al., 2022).

Aspek penguasaan dalam bidang bermaksud guru perlu mempunyai dan menguasai aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab dan moral seorang guru dari segi tugas pengajaran, penyeliaan pengajaran, kurikulum dan juga pembangunan profesion keguruan (Siraj & Ibrahim, 2012; Mohd Zamri & Hamzah, 2019; Budiyanti et al., 2022; Mohd Noor et al., 2022). Dengan kata lain GPI perlu mempunyai kompetensi pengajaran Jawi yang baik. Untuk mencapai maksud tersebut, GPI memerlukan beberapa pengetahuan dan kemahiran khusus seperti pengetahuan pedagogi Jawi (pedagogical content knowledge) dan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran (content knowledge) yang melibatkan aturan dalam sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)(Nahar & Safar, 2017; Ahmad Tajuddin & Zulkifli, 2022). Jelasnya, penguasaan ini akan memudahkan GPI menyampaikan pengajaran Jawi kerana bidang ini berbeza dengan bidang-bidang lain dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Selain itu aspek penguasaan dalam bidang juga menuntut supaya GPI berupaya mengajar Jawi dengan kaedah yang sesuai mengikut perkembangan semasa, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid dan melakukan refleksi kendiri untuk menganalisis kaedah pengajaran sendiri (Ying, 2008; Tichenor & Tichenor, 2009; Md. Nawi, 2011; Hashim & Jemali, 2014; Abd Rahim & Hashim, 2017; Husin et al., 2021).

Perwatakan yang terpuji merupakan elemen yang perlu ada pada seseorang GPI. Berdasarkan literatur terdahulu, beberapa ciri perwatakan guru secara umum yang sering dibincangkan oleh pengkaji lepas adalah seperti bersemangat untuk mengajar (Harahap et al.,

2019), mengutamakan pendidikan murid sebagai tugas utama (Tichenor & Tichenor, 2009; Abu Hassan & Musa, 2020), menghormati murid dan idea mereka (awi & Zulkifli, 2021), meletakkan kebijakan murid melebihi kepentingan peribadi (Makhsin et al., 2022) dan mempamerkan keyakinan diri (Syed Hassan et al., 2009).


Nilai profesional keguruan juga melibatkan aspek komitmen terhadap kerjaya (Tichenor & Tichenor, 2009; Siti Aisyah, 2019). Komitmen guru terhadap kerjaya keguruan amat penting dalam meningkatkan prestasi sesebuah sekolah. Hal ini diakui oleh pengkaji lepas yang membincangkan aspek komitmen kerjaya guru dari beberapa ciri seperti; (1) menerima idea dan perubahan baharu dalam bidang pendidikan (Abdullah & Darusalam, 2018); (2) bereksperimen dengan amalan pengajaran yang inovatif (Wan Abdullah et al., 2021); (3) memilih strategi pengajaran berdasarkan amalan terbaik dalam pendidikan dan penemuan kajian terkini (Kasmin et al., 2019); (4) mendedikasikan diri untuk menjadikan profesi keguruan sebagai kerjaya sepanjang hayat (Abu Hassan & Musa, 2020); dan (5) menambah ilmu berkaitan kerjaya seperti membaca jurnal atau menyertai bengkel (Wan Abdullah et al., 2020).

Seterusnya, nilai profesional guru juga sering dikaitkan dengan kecintaan terhadap profesi melalui pelaksanaan tanggungjawab guru di luar kelas (Tichenor & Tichenor, 2009). Antara aspek yang dikaitkan dengan tanggungjawab guru di luar bilik darjah antaranya termasuklah; menjadi suri teladan yang positif kepada orang lain seperti murid, rakan sejawat, ibu bapa mahupun orang awam (Mohamed et al., 2016; Piang et al., 2015); mengambil bahagian dalam pembangunan kurikulum (Al-Subaie, 2016); membantu memupuk persekitaran yang positif di sekolah (Ishak & Rosman, 2018); menjadi mentor atau bersedia menjadi mentor kepada guru lain (Abdullah & Mohd, 2006; Saidin et al., 2016) dan penglibatan aktif dalam aktiviti peningkatan profesional keguruan (Ramlie, 2017; Zainuddin, 2020).

Jelaslah, amalan profesionalisme keguruan seperti yang dibincangkan di atas adalah penting bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam kalangan GPI. Justeru, pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam dengan berkesan dapat dimainkan oleh GPI yang mempunyai profesionalisme yang tinggi melalui pemupukan amalan memasyarakatkan tulisan Jawi dalam pengajaran Jawi serta melestarikan Jawi melalui kegiatan ko-kurikulum, budaya dan persekitaran sekolah. Berdasarkan kajian lepas, penyelidik memfokuskan empat konstruk utama profesionalisme GPI dalam kajian ini, iaitu kompetensi pengajaran, watak GPI, komitmen kerjaya dan tanggungjawab luar kelas.

## **KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Berasaskan sorotan literatur di atas, penyelidik membina kerangka konseptual kajian berasaskan model empat dimensi profesionalisme Guru dengan mengubah suai kajian yang dijalankan oleh beberapa orang pengkaji seperti Tichenor dan Tichenor (2009) serta Abu Hassan dan Musa (2020).



Rajah 1      Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1, empat dimensi profesionalisme yang diukur adalah berkaitan kompetensi pengajaran, watak GPI, komitmen kerjaya dan tanggungjawab luar kelas.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Instrumen soal selidik dalam kajian ini dibangunkan berdasarkan adaptasi daripada beberapa kajian terdahulu antaranya seperti Tichenor dan Tichenor (2009), Nahar dan Safar (2017), Harahap et al., (2019) dan Abu Hassan & Musa (2020). Seterusnya, instrumen tersebut telah melalui proses pengesahan muka, pengesahan kandungan dan juga pengesahan konstruk.

Pengesahan muka ke atas instrumen tersebut diperoleh daripada tiga orang pakar dalam bidang bahasa Melayu dan seorang pakar dalam bidang pendidikan Islam yang berpengalaman. Sementara pengesahan kandungan menggunakan metode Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) yang dicadangkan oleh Lawshe (1975). Pengkaji lain seperti Rubio et al. (2003) mencadangkan agar sekurang-kurangnya tiga orang panel pakar dilantik bagi setiap kumpulan pakar dengan lingkungan julat enam hingga dua puluh orang dipilih bagi meningkatkan nilai kesahan kandungan sesuatu instrumen. Bagi mencapai tujuan tersebut, penyelidik telah mendapatkan khidmat nasihat 15 orang pakar yang terdiri daripada lapan orang pakar profesional dan tujuh orang pakar lapangan. Penggunaan 15 orang pakar dalam sesuatu kajian juga pernah dilakukan oleh penyelidik tempatan (Ramli et al., 2018).

Seterusnya analisis Faktor Penerokaan (EFA) telah dilakukan untuk setiap konstruk secara berasingan. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua empat konstruk mempunyai satu komponen. Manakala pemuan faktor untuk setiap item dalam setiap konstruk ialah  $> 0.6$ , ujian sfera Bartlett adalah  $< 0.05$  untuk semua konstruk, iaitu signifikan (nilai  $P < 0.05$ ). Sementara ujian Kaiser-Meyer-Olkin mendapat ukuran kecukupan persampelan adalah lebih tinggi daripada 0.6 untuk semua konstruk. Hal ini bermakna saiz sampel adalah mencukupi.

Konstruk	Jumlah Item	Cronbach's Alpha
N	5	0.994
P	5	0.994
Q	5	0.993
R	5	0.986

---

**Jadual 2      Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik**

Seterusnya, Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan ujian kebolehpercayaan item soal selidik dalam kajian ini. Melalui Ujian *Alpha Cronbach* yang telah dijalankan menunjukkan bahawa keseluruhan item dalam konstruk mempunyai angka yang lebih tinggi daripada 0.7, iaitu (0.986-0.994). Hal ini bermaksud item soal selidik dalam kajian ini semuanya boleh dipercayai. Ringkasnya, kajian ini mendapati instrumen soal selidik yang diguna pakai adalah sah dan boleh dipercayai untuk mengukur pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah.

Instrumen soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada 20 item dalam empat konstruk, iaitu (N) kompetensi pengajaran; (P) watak GPI; (Q) komitmen kerjaya; dan (R) tanggungjawab luar kelas. Manakala skala pengukuran dalam soal selidik tersebut adalah skala nominal dan skala selang. Skala nominal digunakan untuk mengumpul data demografi responden kajian, iaitu jantina, pengalaman mengajar, jenis sekolah dan zon sekolah. Manakala skala selang digunakan untuk mengukur konstruk-konstruk dalam soal selidik dalam kajian ini. Skala selang 10 mata tersebut berbentuk pernyataan persetujuan antara dua ekstrem, iaitu sangat tidak setuju (STS) dan sangat setuju (SS) untuk responden menandakan pilihan jawapan mereka.

<b>Nilai Skor Min</b>	<b>Tahap Pelaksanaan</b>
1.00 hingga 2.80	Sangat Rendah
2.81 hingga 4.60	Rendah
4.61 hingga 6.40	Sederhana
6.41 hingga 8.20	Tinggi
8.21 hingga 10.00	Sangat Tinggi

**Jadual 3 Interpretasi Skor Min**

(Ubahsuai dari Wan Ngah et al., 2017)

Seterusnya data soal selidik yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 23.0. Data dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti tahap persepsi GPI terhadap pelaksanaan BJdKPI dalam keempat-empat konstruk tersebut. Jadual 3 di atas menunjukkan penetapan skala min yang digunakan dalam kajian ini menggunakan lima tahap, iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi.

Dari segi pengumpulan data pula, penyelidik telah mengedarkan soal selidik secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Form* setelah mendapat keizinan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk menjalankan kajian di empat buah daerah di Selangor, iaitu; Hulu Langat, Gombak, Petaling Perdana dan Petaling Utama yang dipilih secara rawak mudah. Hasil maklum balas mendapat 120 orang peserta telah menjawab soal selidik.

		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	24	20.0
	Perempuan	96	80.0
	Jumlah	120	100
Pengalaman Mengajar	Bawah lapan tahun	23	19.2
	Lapan tahun ke atas	97	80.8
	Jumlah	120	100
Jenis Sekolah	Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	7	8.3
	Sekolah Kebangsaan (SK)	110	91.7
	Jumlah	120	100
Daerah	Hulu Langat	46	38.3
	Gombak	25	20.8
	Petaling Perdana	28	23.4
	Petaling Utama	21	17.5
	Jumlah	120	100

Jadual 4: Demografi Peserta Kajian (N=120)

Jadual 4 di atas menunjukkan profil demografi responden berdasarkan jantina, pengalaman mengajar, jenis sekolah dan daerah.

## DAPATAN KAJIAN

### Kompetensi Pengajaran

Merujuk kepada Jadual 5, dapat dilihat mengenai tahap persepsi responden terhadap konstruk kompetensi pengajaran yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif Jadual 5 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item N04, iaitu “saya seorang guru yang mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid” dengan min=7.75 dan SP=2.08. Manakala skor min yang paling rendah ialah pada item N01, iaitu “saya seorang guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi Jawi” dengan min=7.46 dan SP=2.00. Jelasnya, min keseluruhan untuk konstruk kompetensi pengajaran berada pada tahap tinggi, iaitu (min=7.61 dan SP=2.03). Ringkasnya, walaupun dapatan menunjukkan kompetensi pengajaran GPI dalam kajian ini adalah tinggi, iaitu sekitar 76.1 % peratus persetujuan, namun ia boleh dipertingkatkan terutamanya pada aspek pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran.

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi
Saya seorang guru yang...				
N01	mempunyai pengetahuan pedagogi Jawi.	7.46	2.00	Tinggi
N02	mempunyai pengetahuan kandungan mata pelajaran Jawi.	7.48	1.98	Tinggi

N03	mengajar Jawi dengan kaedah yang sesuai mengikut perkembangan semasa.	7.63	2.06	Tinggi
N04	mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif untuk murid.	7.75	2.08	Tinggi
N05	melakukan refleksi kendiri untuk menganalisis kaedah pengajaran sendiri.	7.74	2.04	Tinggi
	Keseluruhan	7.61	2.03	Tinggi

Jadual 5 : Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Konstruk N: Kompetensi Pengajaran

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Jaafar dan Tamuri (2015) dan Nahar dan Safar (2017) yang menunjukkan kemahiran pedagogi GPI berada pada tahap yang masih lagi memerlukan peningkatan. Sementara kajian Al-Johary dan Taat (2019) menunjukkan tahap penguasaan guru dalam pengajaran Jawi dan pemahaman terhadap kurikulum Jawi berada pada tahap sederhana disebabkan penguasaan guru terhadap pengetahuan kandungan mata pelajaran yang rendah dan kebergantungan guru kepada buku teks sahaja. Hal ini menunjukkan peri pentingnya pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran dalam kalangan GPI. Pengajaran Jawi yang berkualiti bergantung kepada pengetahuan yang dimiliki oleh guru berkaitan pedagogi, isi kandungan mata pelajaran mahupun konteks penyampaian dengan perkaitan situasi kehidupan sebenar. Hal ini penting bagi mengupayakan guru menterjemah sesuatu konsep atau aturan hukum Jawi ke dalam pengajaran dan pembelajaran agar mudah difahami murid. Jelasnya, GPI wajar mempelbagaikan teknik, pendekatan dan kaedah pengajaran Jawi selaras dengan kerencaman latar belakang murid. Hal ini penting bagi memudahkan guru mengadun dan menyalurkan kefahaman pengetahuan kandungan kepada murid berdasarkan situasi bilik darjah dan kesesuaian bahan sokongan pembelajaran yang digunakan.

### Watak GPI

Seterusnya Jadual 6 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap konstruk watak GPI yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif Jadual 6 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item P02, iaitu “saya seorang guru yang menganggap pendidikan murid sebagai tugas utama” dengan min=8.58 dan SP=1.98. Manakala skor min yang paling rendah ialah pada item P04, iaitu “saya seorang guru yang meletakkan kebajikan murid melebihi kepentingan peribadi” dengan min=8.39 dan SP=1.98. Jelasnya, min keseluruhan untuk konstruk kompetensi pengajaran berada pada tahap sangat tinggi, iaitu (min=8.50 dan SP=1.98).

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya seorang guru yang...				
P01	bersemangat untuk mengajar.	8.50	1.99	Sangat Tinggi
P02	menganggap pendidikan murid sebagai tugas utama.	8.58	1.98	Sangat

				Tinggi
P03	menghormati murid dan idea mereka.	8.52	1.98	Sangat Tinggi
P04	meletakkan kebijakan murid melebihi kepentingan peribadi.	8.39	1.98	Sangat Tinggi
P05	mempamerkan keyakinan diri.	8.49	1.95	Sangat Tinggi
	Keseluruhan	8.50	1.98	Sangat Tinggi

Jadual 6 : Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Konstruk P: Watak GPI

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Abu Hassan dan Musa (2020) yang mencatatkan min yang tinggi (4.93-5.44). Malah perwatakan GPI dari segi imej dan integriti diakui sebagai ciri profesionalisme utama seseorang GPI menurut persepsi pelajar (Syed Hassan et al., 2009). Namun begitu, aspek mengambil berat tentang kebijakan murid berada di tahap paling rendah berbanding aspek lain dalam item watak GPI. Hal yang sama juga dilaporkan dalam kajian Chong dan Shaari (2014). Kajian mereka mendapati walaupun majoriti guru di Malaysia bersetuju dengan salah satu peranan utama guru di sekolah adalah untuk menjaga kebijakan murid, namun mereka tetap khuatir dan sangsi untuk bersikap cakna dalam melaporkan kes-kes penganiayaan yang melibatkan murid di sekolah akibat kekangan - kekangan tertentu.

### Komitmen Kerjaya

Manakala Jadual 7 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap konstruk komitmen kerjaya yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif Jadual 7 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item Q04, iaitu “saya seorang guru yang mendedikasikan diri untuk mengajar sebagai kerjaya sepanjang hayat” dengan min=8.28 dan SP=2.03. Manakala skor min yang paling rendah ialah pada item Q02, iaitu “saya seorang guru yang bereksperimen dengan amalan pengajaran Jawi yang inovatif” dengan min=8.10 dan SP=2.00. Jelasnya, min keseluruhan untuk konstruk kompetensi pengajaran berada pada tahap tinggi, iaitu (min=8.20 dan SP=2.02).

Item	Pernyataan	Min	Sisihan	Interpretasi Piawai
Saya seorang guru yang...				
Q01	menerima idea dan perubahan baharu dalam bidang pendidikan.	8.23	2.06	Sangat Tinggi
Q02	berekspresi dengan amalan pengajaran Jawi yang inovatif.	8.10	2.00	Tinggi
Q03	memilih strategi pengajaran Jawi berdasarkan amalan terbaik dalam pendidikan dan penemuan kajian terkini.	8.18	1.99	Tinggi

Q04	mendedikasikan diri untuk mengajar sebagai kerjaya sepanjang hayat.	8.28	2.03	Sangat Tinggi
Q05	menambah ilmu berkaitan kerjaya seperti membaca jurnal atau menyertai bengkel.	8.22	2.02	Sangat Tinggi
	Keseluruhan	8.20	2.02	Tinggi

Jadual 7 : Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Konstruk Q: Komitmen Kerjaya

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Abu Hassan dan Musa (2020) yang mencatatkan min yang tinggi (4.95-5.68) untuk kelima-lima item tersebut. Namun begitu, jika diperhatikan item paling rendah dalam kajian ini adalah berkaitan dengan amalan pengajaran Jawi yang inovatif. Dapatan ini adalah sejajar dengan laporan Awi dan Zulkifli (2021) daripada literatur terdahulu yang merumuskan bahawa terdapat banyak halangan yang mengakibatkan GPI sukar untuk mengimplementasikan pengajaran kreatif dan inovatif di dalam kelas ataupun GPI gagal menghasilkan bahan sumber pembelajaran yang inovatif. Antara kekangan tersebut termasuklah penguasaan ilmu dan kemahiran teknologi serta beban tugas guru yang semakin meningkat.

### Tanggungjawab Luar Kelas

Sementara Jadual 8 menunjukkan tahap persepsi responden terhadap konstruk tanggungjawab luar kelas yang mengandungi lima item. Analisis deskriptif Jadual 8 menunjukkan skor min yang paling tinggi ialah pada item R03, iaitu “saya seorang guru yang membantu memupuk persekitaran kerja yang positif di sekolah” dengan min=8.18 dan SP=1.95. Manakala skor min yang paling rendah ialah pada item R05, iaitu “saya seorang guru yang aktif dalam organisasi profesional guru” dengan min=7.79 dan SP=2.09. Jelasnya, min keseluruhan untuk konstruk kompetensi pengajaran berada pada tahap tinggi, iaitu (min=8.01 dan SP=1.99).

Item	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Intepretasi
Saya seorang guru yang...				
R01	menjadi suri teladan yang positif kepada orang lain.	8.08	1.98	Tinggi
R02	mengambil bahagian dalam pembangunan kurikulum.	7.93	1.98	Tinggi
R03	membantu memupuk persekitaran kerja yang positif di sekolah.	8.18	1.95	Tinggi
R04	menjadi mentor atau bersedia menjadi mentor kepada guru lain.	8.05	1.96	Tinggi
R05	Aktif dalam organisasi profesional guru.	7.79	2.09	Tinggi
	Keseluruhan	8.01	1.99	Tinggi

Jadual 8 : Min dan Sisihan Piawai Setiap Item dalam Konstruk R: tanggungjawab Luar Kelas

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Abu Hassan dan Musa (2020) yang mencatatkan min yang tinggi (4.98-5.23) untuk kelima-lima item dalam konstruk

tanggungjawab luar kelas. Walaupun begitu, item yang paling rendah adalah keaktifan guru dalam organisasi profesional guru. Sedangkan salah satu sikap contoh untuk menjadi GPI yang berkesan adalah dengan bergiat aktif dalam organisasi profesional keguruan sebagai platform menambah ilmu dan perkongsian ilmu (Zainuddin, 2020).

Secara keseluruhannya, kesemua konstruk mencatatkan tahap min tinggi kecuali konstruk (P:watak GPI) yang mencatatkan tahap min sangat tinggi (min=8.50, SP=1.98). Konstruk yang mencatatkan tahap min yang paling rendah adalah (N:kompetensi pengajaran, min=7.61, SP=2.03); diikuti (R:Tanggungjawab luar kelas, min= 8.01, SP=1.99) dan (Q:komitmen kerjaya, min= 8.20, SP=2.02). Hal ini menunjukkan GPI sangat menjaga soal karakter dan imej. Buktinya, menerusi kajian terdahulu yang menunjukkan peranan GPI sebagai *muaddib* adalah paling dominan berbanding *murabbi*, *mursyid*, *muallim* dan juga *mudarris* (Syed Hassan, 2009; Kasmin et al., 2019; Wan Abdullah et al., 2021). Oleh yang demikian, penyelidik berpandangan bahawa sewajarnya GPI perlu memberikan penekanan yang seimbang terhadap kelima-lima peranan tersebut bagi mengelakkan mereka dilihat ketinggalan dari segi arus perdana keguruan kerana tidak mementingkan peranan rasmi seorang guru yang mengutamakan aspek penyampaian ilmu dan kepakaran dalam bidang.

Berdasarkan pelaporan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada GPI berkaitan dengan konstruk-konstruk dalam keempat-empat dimensi yang dikaji di atas, penyelidik menyimpulkan bahawa GPI dalam kajian ini mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lain seperti Kasmin et al. (2019) dan Abu Hassan & Musa (2020). Sebagai contoh, kajian Kasmin et al. (2019) ke atas 714 orang GPI berkaitan tahap amalan kualiti keguruan menunjukkan min yang tinggi (min=4.28, S.P=0.35). Sementara dapatan Idris dan Hamzah (2012) adalah berbeza, iaitu kajian mereka menunjukkan amalan profesionalisme guru pada tahap rendah dan sederhana. Jelasnya, walaupun dapatan kajian secara keseluruhan memperlihatkan GPI mempunyai tahap profesionalisme di tahap keempat, iaitu tinggi namun mereka hendaklah sentiasa dinamik dan profesional. Mereka seharusnya tidak boleh berpuas hati tetapi perlu meningkatkan kecemerlangan kerjaya keguruan melalui usaha kolaboratif sesama rakan sejawat yang menjurus kepada peningkatan pembelajaran murid dan pelestarian Jawi di sekolah. Hal ini juga dapat dilakukan dengan mengekalkan dan meningkatkan prestasi dalam keempat-empat konstruk tersebut.

## PERBINCANGAN

Kerjaya perguruan masa kini menghadapi pelbagai cabaran yang melibatkan murid, ibu bapa, rakan sejawat, pengurus pendidikan, masyarakat dan juga pemegang taruh. Sebagai contoh, terdapat persepsi segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap kerjaya guru sebagai suatu kerjaya yang selesa di dalam sektor awam dengan mendakwa guru kurang menitikberatkan aspek kualiti dan mutu perkhidmatan. Oleh itu, penulisan artikel ini memberikan panduan penilaian kepada khalayak serta aspek semak dan imbang terhadap pelaksanaan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam yang melibatkan dimensi profesionalisme GPI.

Bagi mendepani cabaran tuntutan profesionalisme keguruan seperti yang ditimbulkan dalam perenggan di atas, seseorang guru memerlukan kekuatan dari dimensi konteks, input dan juga proses. Dari aspek konteks, seseorang guru perlu prihatin tentang perubahan dasar yang

berlaku dalam sistem pendidikan dengan memahami kerangka matlamat setiap kurikulum atau program pendidikan yang ingin dicapai oleh pihak kerajaan. Hal ini kerana keprihatinan dan pemahaman guru akan membantu perubahan pendidikan bermula di peringkat bilik darjah. Namun langkah ini memerlukan anjakan paradigma secara sistemik disebabkan sistem pendidikan di negara ini lebih bercorak sentralisasi dan diikat dengan corak arahan pentadbiran ‘atas-bawah’. Hal ini sewajarnya tidak dijadikan halangan untuk guru bersikap inovatif dan kreatif dalam pengajaran Jawi. Sementara dari aspek input, pihak pemegang taruh wajar menyalurkan bantuan dan sumber pendidikan kepada golongan pelaksana seperti sokongan kewangan dan peralatan bahan sokongan pembelajaran, Malah pihak KPM wajar mengkaji semula nisbah saiz kelas dengan bilangan murid agar lebih kondusif serta mengurangkan beban kerja perkeranian dalam kalangan guru. Manakala dari segi proses, pihak KPM wajar mengadakan kursus dalam perkhidmatan yang melibatkan aspek pembugaran sikap, pengetahuan dan kemahiran GPI dalam bidang Jawi atau bidang lain yang boleh dintegrasikan ke dalam bidang pendidikan secara ‘*re skills, new skills* dan *up skills*’. Sebagai contoh, GPI wajar diberikan latihan berterusan yang melibatkan aspek pengkaedahan Jawi, pemulihan Jawi, pengajaran abad ke-21 dan juga literasi digital. Ringkasnya, pelaksanaan sesuatu kurikulum yang efektif dan menepati keperluan dan jiwa pendidik seseorang guru sebagai golongan pelaksana dan agen perubah kurikulum akan menjadikan sesebuah kurikulum yang berupaya mencapai objektif seperti yang dihasratkan.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah memberikan hujah bahawa GPI yang menjiwai, mengamalkan dan memperlihatkan keprofesionalan dalam menjalankan tugas akan membantu mengangkat profesi keguruan pada tahap yang lebih unggul. Hal ini kerana amalan keempat-empat konstruk profesionalisme dalam bidang Jawi yang dibincangkan dalam makalah ini mampu menambah nilai kualiti profesionalisme GPI dan menjadi garis panduan kepada GPI dalam melaksanakan bidang Jawi dalam kurikulum pendidikan Islam di peringkat bilik darjah. Jelasnya, kajian ini mampu memberikan sumbangan penting kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang penilaian kurikulum pendidikan Islam khususnya di peringkat sekolah rendah.

Namun begitu, penyelidik mengesyorkan kajian lanjut dijalankan ke atas sampel yang lebih besar dan menyeluruh berbanding sampel yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidikan lanjut juga mungkin diperlukan bagi meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti profesionalisme GPI dalam pelaksanaan bidang Jawi di sekolah rendah. Akhir kata, penemuan dalam kajian ini menunjukkan satu sisi lain bahawa peranan GPI bukan sahaja di lihat sebagai penyambung dakwah Nabi Muhammad s.aw. menerusi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang berkesan, malah GPI juga mampu bertindak sebagai agen pelestarian tulisan Jawi sebagai tulisan kembar untuk tulisan Rumi dalam wacana bahasa Melayu khususnya di rantau nusantara.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

- Al-Johary, Z.S. & Taat, M.S. 2019. Hubungan penguasaan Jawi dan kurikulum dengan proses pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. *Borneo International Journal of Education*, 1(2019): 91-100.
- Abu Hassan, M.A. & Musa, K. 2020. Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, 9(21): 37-45.
- Abdul Patah, S. & Boon, Y. 2021. Issues and trends of teacher professionalism for Malaysian Education. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 11(4): 248-254.
- Abdul Rahim, M. M., & Hashim, A. 2017. Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Teaching Approaches among the Tahfiz Al-Quran Lecturer in Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3): 79–88.
- Abdullah, N.H.H. & Darusalam, G. 2018. Kesediaan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. *JUKU: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3): 22-31.
- Abdullah, S. & Mohd, A. 2006. *Guru Sebagai Mentor*. Bentong, Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, Z. & Abdul Aziz, A.Y. 2020. Pemimpiran tulisan Jawi sebagai lambang jati diri melayu: satu kajian tinjauan. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2): 244-255.
- Ahmad Tajuddin, M.F. & Zulkifli, H. 2022. Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang Jawi dalam kalangan guru pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1): 56-72.
- Al-Subaie, M.A. 2016. Curriculum development: teacher involvement in curriculum development. *Journal of Education and Practice*, 7(9): 106-107.
- Aw, N.A.L. & Zulkifli, H. 2021. Amalan kreativiti guru pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke 21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1): 40-54.
- Bashah, M. A., & Zulkifli, H. 2022. Isu dan cabaran guru pendidikan Islam dalam penerapan pendidikan digital. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1): 43-55.
- Budiyanti, Y., Dahlan, Z., Sipahutar, M.I. 2022. Kompetensi profesional guru pendidikan Islam. *Jurnal Basicedu*, 6(2): 2565-2571. DOI. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v6i2.2460>
- Buta, K., & Rosy Talin, R. 2017. Persepsi murid terhadap mata pelajaran pendidikan Islam: satu analisis kualitatif. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2017*. Anjuran Fakulti Pendidikan Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. 13 hingga 15 Disember 2017. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, hal. 468-475.
- Chong, C.C. & Shaari, A.S. 2014. Penganiayaan kanak=kanak: pengalaman melapor dan tahap latihan yang diterima dalam kalangan guru-guru sekolah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 17 (Jun): 39-51.
- Harahap, L.H., Sawaluddin & Nuraini. Kepribadian guru pendidikan agama Islam menurut Buya Hamka. *Tarbiyah: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 8(2): 135-146.
- Harun, M., & Katutu, B. 2014. Pengajaran seni khat dan tulisan Jawi dalam pendidikan Islam: peluang, cabaran dan harapan. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik*, Jun 2014: 1-19.
- Hashim, A., & Jemali, M. 2014. Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar: A Study on the Relationship between Techniques of Tahfiz Learning and Students' Al Qur'an Memorization Achievement. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2): 15–25.

- Husin, M.R., Md. Hassan, N., Victor, Y.Z.S., Md Tormiz, A.S., Zulkapli, N.S.A., George, M. Rosli, R., Hisamuddin, N.I.R.A., Shaharudin, N.S. & Chelsea, S.A. (2021). Perspektif guru terhadap pelajar remaja. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1): 40-49.
- Idris, N.H. & Hamzah, R. 2012. Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 31-37. <https://doi.org/10.11113/jt.v60.1445>
- Ishak, R. & Rusman, S.N.F. 2018. Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1): 1-15.
- Jaafar, N. & Tamuri, A.H. 2015. Perbezaan kualiti guru pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan kekerapan menyertai latihan dalam perkhidmatan. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2): 1-13.
- Kamaruzaman, A. R. & Abdullah, N.M.S. (2020). Penulisan Jawi dalam mata pelajaran pendidikan al-Quran dan al-Sunnah di peringkat menengah: isu dan cabaran. *Jurnal KIAS*, 14(1): 1 - 30.
- Kasmin, R., Baharan, M.F., Mohsin, N. Kila, N. & Abu Hassan, M. 2019. Amalan kualiti guru dalam kalangan GPI di sekolah kebangsaan. *JOMOR: Journal of Management and Operation Research*, 1(4): 1-23.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF. Cyberjaya : Bahagian Pendidikan Islam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kholis, N, & Murwanti, M. 2019. Teacher professionalism from Indonesia, Malaysia and New Zealand. *TARBIYA: Journal of Education in Muslim Society*, 6(2): 179-196. DOI:10.15408/tjems.N6i2.11487
- Lawshe, C.H. 1975. A quantitative approach to content validity. *Personnel Psychology*, 28(4): 563-575. <http://doi.org/10.1111/j.1744-6570.1975.tb01393.x>
- Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. 2022. Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46): 327-346. DOI: 10.35631/IJEPC.746027
- Md. Nawi, N.H. 2011. Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. Hotel Vistana, Pulau Pinang pada 18 - 20 Disember 2011, hal. 1-15.
- Mohamed, S., Jasmi, K.A. & Zailani, M.A. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Akademika*, 86(2): 31-42.
- Mohd Noor, A.F., A Shukor, K, Mus, A.N., Jelani, A.B., Fathil, F & Jaapar, K. 2022. Amalan kompetensi dan profesionalisme pensyarah pendidikan Islam Politeknik dalam membantu pengajaran dan pembelajaran berkesan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1): 17-26. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.1.233>.
- Mohd Zamri, N. & Hamzah, M.I. 2019. Teachers' competency in implementation of classroom assessment in learning. *Creative Education*, 10, 2939-2946. <https://doi.org/10.4236/ce.209.1012218>.
- Muhson, A. (2004). meningkatkan profesionalisme guru: sebuah harapan. *Jurnal Ekonomi dan Pendidikan*. 1(2): 90-98.

- Nahar, N., & Safar, J. 2017. Penguasaan pengetahuan kandungan (*content knowledge*): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1): 45-59.
- Othman, M.K. & Ishak, M.N. 2017. Tinjauan pelaksanaan pengurusan pendidikan Islam di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Kota Setar. *The Online Journal of Islamic Education* 5(1): 12-19.
- Piang, T. B., Wahid, R., & Jamil @ Osman, Z. 2015. Peranan Guru dalam Membina Iklim Moral dalam Bilik Darjah: The Role of Teachers in Creating Classroom Moral Atmosphere. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(3): 87–95.
- Ramli, N.F., Talib, O., Abdul Manaf, U.K., & Hassan, S.A. 2018. Content validity of STEMTIP using CVR Method. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7): 1119-1125. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i7/4559>
- Ramlie, H.A. 2017. Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berdasarkan riadah ruhiyyah. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Rubio, D.M., Berg-Weger, M., Tebb, S.S., Lee, E.S., & Rauch, S. 2003. Objectifying content validity: conducting a content validity study in social work research. *Social Work Research*, 27(2): 94-104. <https://doi.org/10.1093/swr/27.2.94>
- Sahrin, S. & Abdul Ghani, M.Z. 2022. Pendekatan al-muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2): 241-259.
- Saidin, K., Dali, M.H. & Ambotang, A.S. 2016. Peranan guru cemerlang Malaysia di sekolah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 24: 161-177.
- Shamsul Alias, N.S. & Hamzah, M.I. 2022. Kesan elemen merentas kurikulum terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1): 142-168.
- Siti Aisyah. 2019. *Kompensasi dan Komitmen Guru*. Kalimantan Barat: Penerbit PGRI Prov Kalbar.
- Siraj, S. & Ibrahim, M.S. 2012. Standard kompetensi guru Malaysia dlm. *Prosiding kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTS 2012* (hlm. 1-44). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Syed Hassan, S.N., Tamuri, A.H., Othman, I., Manaf, M.S. 2009. Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2): 31-50.
- Tamyis, M. M., Suppian, Z., & Che Md. Ghazali, N. H. 2021. Jawi Field in Elementary School Islamic Education Curriculum: One Analysis of Literature. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2): 48-64. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.5.2021>
- Wan Abdullah, W.A.A., Abdul Razak, K., & Hamzah, M.I. 2020. Pengetahuan untuk menghasilkan inovasi pengajaran dalam kalangan guru inovatif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2): 192-201.
- Wan Abdullah, W.A.A., Mohd Zhaffar, N. Abdul Razak, K., & Hamzah, M.I. 2021. Konsep lima mim: persepsi pelajar terhadap guru inovatif pendidikan Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(12): 59-71.
- Wan Ngah, W. S., Abdul Ghani, K., & Lubis, M. A. 2017. Persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan bahasa Arab dalam kalangan murid J-Qaf. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3: 1-7.
- Ying, B.P. 2008. Amalan reflektif ke arah meningkatkan profesionalisme diri guru. *Jurnal IPBA*, 3(2): 102-109.
- Zainuddin, M.N. 2020. Sumbangan Bukhari Lubis dalam bidang Jawi dan Khat: pedoman kepada pemimpin sekolah dan pendidik menjadi pemimpin berkualiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2): 74-91.